

## TRANSFORMASI STRUKTUR DALAM PERSEMBAHAN ULIK MAYANG

NURUL AIN BINTI HASSAN  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[ain.hassan97@ukm.edu.my](mailto:ain.hassan97@ukm.edu.my)

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[muammar@ukm.edu.my](mailto:muammar@ukm.edu.my)

\*Penulis Koresponden

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan aspek transformasi dalam persembahan Ulik Mayang. Ulik Mayang tradisi telah mengalami pelbagai perubahan dari sudut struktur persembahan. Objektif kajian ini adalah menjelaskan bentuk asal persembahan Ulik Mayang untuk mengenal pasti unsur baharu dalam persembahan tersebut pada masa kini serta aspek-aspek transformasi yang dilalui. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan seperti temu bual berfokus serta rakaman persembahan Ulik Mayang oleh kumpulan Sukira di Terengganu. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan konsep transformasi untuk mengupas bentuk perubahan persembahan Ulik Mayang dari sudut upacara, peralatan, alat muzik dan kostum. Hasil analisis mendapati berlaku transformasi terhadap struktur persembahan Ulik Mayang iaitu pembuangan unsur pemujaan dan mantera, pembentukan gimik, serta penggunaan props, alat muzik, dan kostum yang lebih bersifat moden. Faktor perkembangan Islam yang merubah corak kehidupan masyarakat telah menjadikan masyarakat amat kreatif dan mempunyai daya cipta yang tinggi dalam mengadaptasi persembahan tradisi kepada sebuah persembahan Ulik Mayang yang relevan serta sesuai dengan perkembangan modenisasi. Transformasi tersebut memastikan kelangsungan warisan kebudayaan ini untuk tatapan generasi seterusnya.

**Kata Kunci:** Budaya; Melayu; persembahan; transformasi; Ulik Mayang

## STRUCTURAL TRANSFORMATION IN ULIK MAYANG PERFORMANCE

### ABSTRACT

This study discusses the transformational aspects of Ulik Mayang performance. Ulik Mayang tradition has undergone various changes in terms of performance structure. The objective of this study is to explain the original form of the Ulik Mayang performance to identify new elements in the present performance as well as the transformational aspects that have gone through. This study uses a qualitative methodology involving library research and field studies such as focused interviews as well as recordings of Ulik Mayang performances by Sukira group in Terengganu. The data collected were analysed using the concept of transformation to analyse the form of change of Ulik Mayang performance in terms of ceremonies, equipment, musical instruments and costumes. The results of the analysis found that there was a transformation of the structure of Ulik Mayang's performance, namely the removal of elements of worship and

mantras, the formation of gimmicks, as well as the use of props, musical instruments, and costumes that are more modern. The factors of Islamic development that have changed the way of life of the community has made the community very creative and have a high innovation in adapting traditional Ulik Mayang performances to a relevant performance and in line with the development of modernization. This transformation ensures the survival of this cultural heritage for the next generation.

**Keywords:** Cultural; Malay; performance; transformation; Ulik Mayang

## PENGENALAN

Seni tari adalah pengucapan jiwa manusia melalui gerak-geri berirama yang indah. Gerak-geri berirama bukanlah tarian apabila gerak-geri itu merupakan perbuatan harian yang natural. Gerak-geri yang dimaksudkan sebagai tarian adalah berbentuk ciptaan yang indah yang boleh memberi kepuasan kepada orang lain (Ismail Hamid, 1991). Seni tari atau seni gerak tari mempunyai sejarah yang sangat panjang dan membawa pelbagai pengaruh dari pelbagai kegiatan harian. Ia mengandungi nilai ritual sebagai warisan lama, termasuk unsur pemujaan. Seni tari juga merupakan alunan gerak dalam seni persembahan. Ulik Mayang adalah dari jenis seni tari berunsur ritual sebagaimana juga dengan ‘tarian payang’. Pada awal persembahannya, bomoh atau pawang menghidupkan persembahan ini dengan tujuan untuk mengubati pesakit (Siti Zainon Ismail, 2008). Penyakit yang dimaksudkan adalah yang disebabkan terkena sampuk oleh hantu atau makhluk halus (Siti Zainon Ismail, 1986).

Masyarakat terdahulu sering menggunakan tarian sebagai alat komunikasi dengan roh nenek moyang yang dipercayai mereka terhadap perkara yang dirujuk hari ini sebagai fenomena semula jadi, seperti rebut, gempa bumi, letusan gunung berapi, kemarau dan yang seumpama dengannya. Tarian juga menjadi bahagian integral dan berfungsi dalam masyarakat manusia. Ia juga mampu membentuk asas merasionalisasi fenomena semula jadi yang tidak dapat diduga atau difahami. Menurut Amran Kasimin (2006), kepercayaan orang Melayu terhadap kuasa ghaib iaitu seperti jin, semangat, dan lain-lainnya, yang dikaitkan dengan kepercayaan animisme sebelum kedatangan tamadun Islam begitu kukuh dalam kehidupan seharian mereka. Dari sinilah munculnya peranan orang tengah, atau orang perantaraan, antara kehidupan manusia dengan kuasa-kuasa ghaib tadi yang dikenali dengan pelbagai nama atau panggilan iaitu seperti pawang, bomoh, dukun, poyang dan sebagainya. Mereka yang terlibat ini juga dikatakan mempunyai ilmu kebatinan yang tinggi, serta berupaya dalam menghubungkan kehidupan manusia di alam dunia nyata dengan alam ghaib yang menganggu manusia ketika mencari rezeki, menganggu ibu yang masih dalam pantang, dan sebagainya. Mereka juga memainkan peranan utama untuk mengepalai pelbagai upacara dan adat istiadat masyarakat khususnya.

Menurut Mohd Osman Taib (1988) perubahan yang agak ketara dari segi kepercayaan terhadap kuasa-kuasa ghaib seakan telah sebati dalam diri setiap individu masyarakat ini ketika itu. Kepercayaan yang utuh ini terus menjadi pegangan atau aturan yang didorong kemas dan setiap malapetaka yang berlaku pasti melibatkan hal-hal atau kepercayaan tadi. Hal ini telah memperlihatkan hubungan yang erat antara manusia dengan kuasa luar biasa. Masyarakat Melayu tradisi yang mempunyai kehidupan yang ringkas pada mulanya, kini mula diresapi dengan unsur-unsur yang lebih kompleks menerusi kepercayaan tersebut.

Dengan pembawaan pengaruh dari kepercayaan animisme sebegini, secara tidak langsung telah menyebabkan banyak amalan ritual turut diselitkan dalam kegiatan kesenian yang dilakukan. Terkait dengan situasi ini, kesenian seni tari turut tidak terlepas. Seni tari Melayu dipersembahkan dengan mengandung pelbagai jenis upacara ritual tertentu yang menjadi asas penting dan simbolik dalam persembahannya. Sebagai contoh, upacara ritual

pemujaan dalam persembahan Ulik Mayang yang menggunakan simbolik seorang bomoh memegang mayang ketika mengubati pesakitnya yang disertakan dengan jampi dan mantera menerusi lirik lagu Ulik Mayang. Aduan masyarakat tentang persembahan Ulik Mayang yang dirasakan bertentangan dengan ajaran Islam pernah ditimbulkan sebagaimana umum diketahui. Akan tetapi pada realitinya persembahan Ulik Mayang masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu dan dikatakan telah dibuat beberapa transformasi dalam aspek persembahan. Maka kajian ini tampil membincangkan aspek-aspek transformasi yang telah berlaku dalam persembahan Ulik Mayang khasnya di alaf 21 ini.

## TINJAUAN LITERATUR

Kesenian tarian tradisional Ulik Mayang merupakan salah satu warisan budaya dan seni bangsa Melayu. Nilai warisan budaya dan seni sememangnya diiktiraf mempunyai nilai yang tinggi. Dewasa ini, warisan budaya sebegini mampu menjana pendapatan dalam negara menerusi pelancongan (Yuszaidy, Hanapi & Ab Samad, 2011). Ia amat dikenali dengan identiti keseniannya yang menjadi lambang kepada struktur budaya dan warisan Melayu tradisi. Meskipun ia sudah jarang dipersembahkan secara terbuka, namun ia masih lagi menjadi salah satu topik kajian yang amat memberi makna kepada khazanah warisan Melayu. Persembahan Ulik Mayang ini pada awalnya mula dikaji oleh Ismadi Malaya yang mana beliau mengatakan bahawa tarian ini berasal dari Terengganu yang dibawa oleh satu rombongan penangkap ikan pada kira-kira tahun 1924 (Ismadi Malaya, 1958). Kajiannya yang telah dibuat pada tahun 1958, di Pahang. Jadi, kemungkinan persembahan tarian ini wujud adalah pada zaman Hindu lagi iaitu sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, sebagai sebahagian dari aktiviti kebudayaan masyarakat di kawasan pedalaman.

Menurut Mohd Ghous Nasuruddin (1994), aspek lupa dalam tarian merupakan kejadian umum, bukan sahaja di kawasan Asia Tenggara, bahkan di rantau lain seperti Amerika Selatan, Afrika, dan Timur Tengah. Tarian sebegini merangkumi unsur spiritual yang kuat, dan berdasarkan kepercayaan agama masyarakat tertentu yang membabitkan jiwa masyarakat itu iaitu seperti tarian Kuda Kepang, Ulik Mayang, Dabus dan sebagainya. Ghulam Sarwar Yousof (1992) menjelaskan bahawa dalam kepercayaan masyarakat Melayu, semangat terbahagi kepada dua kategori iaitu roh manusia dan kuasa atau tenaga. Ghulam menjelaskan bahawa semangat yang berada pada setiap benda atau kejadian yang terdapat pada alam sejagat termasuk batu, pokok, besi dan keris. Beliau juga turut menyatakan bahawa semangat dan makhluk halus adalah saling berkait dan peranan kedua-duanya diiktiraf dan sangat penting. Peranan bomoh pula amat penting kerana bomoh memiliki pengetahuan dalaman (ilmu dalaman) yang merupakan kepercayaan tradisional yang ada hubungkait dengan upacara azimat iaitu mantera.

Sabariah Binti Arifin (1989) dalam kajiannya tentang *Peralatan Budaya dalam Persembahan Ulik Mayang* menfokuskan kepada penggunaan peralatan-peralatan serta barang keperluan yang digunakan dalam persembahan antaranya pakaian, penggunaan mayang pinang dan gerak tari. Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015) pula mengemukakan kajian dari sudut pemikiran bahasa menyinggung akal budi dalam mantera yang terdapat dalam buku *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*. Noraein Mansor (2018) mengemukakan sebuah buku membicarakan Ulik Mayang sebagai warisan Terengganu dengan menjelaskan hal-hal seperti asal-usul Ulik Mayang, konsep dan bentuk tarian, lagu, peralatan dan pakaian, mitos dan kepercayaan dan tokoh. Buku ini hanyalah berbentuk keringkasan sebagai satu sajian maklumat segera dan bergambar.

Secara ringkasnya, tidak banyak kajian spesifik mengenai aspek transformasi dalam persembahan Ulik Mayang masa kini yang dapat ditemui. Kebanyakan dari kajian dan bahan rujukan hanya menjelaskan secara ringkas tentang seni tari Ulik Mayang dan tidak menjurus

kepada perbezaan dan bentuk transformasi yang telah terjadi dalam persembahan ini. Oleh itu, kajian ini berusaha menjelaskan fenomena transformasi struktur yang berlaku.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan dua kaedah iaitu kajian lapangan melibatkan tinjauan, pemerhatian serta rakaman, fotografi dan sesi temu bual berfokus. Kaedah perpustakaan yang dilakukan untuk melengkapkan literatur kajian dengan teknik bacaan rapi ke atas beberapa kajian lepas bagi mendapatkan data sokongan. Dalam kajian lapangan, temu bual secara berfokus dilakukan bersama seorang informan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kesenian tarian tradisional Melayu iaitu Puan Zamzuriah Zahari yang merupakan pensyarah ASWARA dan penari bagi persembahan Mak Yong, Mek Mulung, Ulik Mayang dan tarian tradisional lain. Pemilihan informan dipilih adalah berdasarkan pada pengetahuan dan pengalaman beliau dalam seni tari tarian tardisional Melayu.

## ULIK MAYANG

Mubin Sheppard (1983), telah memberi definisi ‘ulek’ dalam tarian Ulik Mayang sebagai salah satu tarian tradisi masyarakat tempatan di Terengganu, yang bererti *‘lulling a person to sleep’*. Mengikut Aripin Said (1984) mengulit dalam tarian Ulik Mayang bererti ‘menyanyi’. Pengertian beliau terhadap definisi ‘ulik’ sebagai penyanyi itu agak kurang tepat digunakan dalam konteks tarian Ulik Mayang. Hal ini adalah kerana pengertian menyanyi adalah mempunyai maksud yang luas dan ia lebih sesuai untuk menggunakan istilah ‘ulik’ dalam persembahan Ulik Mayang sebagai sesuatu yang mempunyai perkaitan dengan maksud ritual kerana melibatkan hubungan dengan bomoh, jampi dan mantera.

Lagenda Ulik Mayang atau turut dikenali sebagai Ugum Mayang (Pahang) adalah dipercayai telah wujud pada zaman pemerintahan Sultan Umar lagi. Kewujudan tarian Main Puteri dan persembahan Mak Yong di Kelantan begitu popular pada tahun 1870-an iaitu sezaman dengan permulaan perkembangan drama bangsawan di Tanah Melayu. Pada zaman tersebut, Ulik Mayang amat popular sebagai sebuah upacara pengubatan penyakit kepada masyarakat Terengganu dewasa itu (Zaiful, 2010).

## PERSEMBAHAN ULIK MAYANG TRADISIONAL

Persembahan Ulik Mayang yang dipersembahkan pada masa kini adalah mempunyai banyak perbezaan yang dapat dilihat berbanding dengan bentuk persembahan Ulik Mayang yang dipersembahkan pada sekitar abad ke-18 dan 19 dahulu. Menurut Zamzuriah Zahari (2020), bentuk persembahan Ulik Mayang yang dipentaskan pada zaman kini adalah hanya merupakan sebagai sebuah persembahan ringkas yang berfokuskan pada persembahan tarian dan pentas sahaja.

### Fasa Persembahan

Fasa persembahan dalam persembahan Ulik Mayang dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu proses membangkitkan semangat mayang, proses pementasan dan proses bersurai.

### Proses Membangkitkan Semangat Mayang

Semua peserta akan mengelilingi bomoh atau dipanggil sebagai peduan dan kemudiannya akan memperasapkan mayang yang telah disediakan untuk keperluan persembahan. Selepas selesai upacara bacaan doa dan al-Fatihah, peduan akan mula menyeru bangkitan asal mayang. Mantera yang digunakan bagi membangkitkan asal mayang yang akan dibaca. Semasa menyeru bangkitan mayang ini, minyak kelapa akan disapu-sapukan kepada mayang dan kemenyan yang telah dibara akan ditambah supaya kepulan asap naik dengan banyak.

### Proses Pementasan

Persembahan ini akan bermula iaitu dengan satu bulatan dan saiz bulatan yang mengikut bilangan anggota persembahan sedia ada dan terlibat pada ketika itu. Menurut Zamzuriah Zahari (2020), persembahan tarian Ulik Mayang ini adalah melibatkan seramai 11 orang iaitu 4 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Di tengah-tengah bulatan itu akan ada seorang pemegang mayang dan seseorang dari anggota yang lain akan mengetuai nyanyian yang akan diikuti oleh anggota penari yang lain. Ketua akan memulakan nyanyian ini adalah dikenali sebagai ‘adi’. Persembahan tarian seterusnya akan dimulakan dengan empat orang penari lelaki yang dalam keadaan yang tidak sedarkan diri, manakala salah seorang daripada mereka akan berperanan sebagai bomoh yang berperanan untuk memegang mayang ditangannya. Kemudian, satu suara latar akan menyanyikan lagu Ulik Mayang dan diserunya Puteri Dua. Selepas kedatangan Puteri Dua yang menari-nari di belakang peserta lelaki tersebut, diseru pula Puteri Empat, Puteri Enam dan Puteri Tujuh. Apabila Puteri Tujuh keluar, lagu menghalau dan menghantar penunggu akan dinyanyikan.

### Proses Bersurai

Setelah selesai persembahan dilakukan iaitu sebaik sahaja nyanyian tamat, pemegang mayang akan berhenti menari. Keadaan dirinya yang belum pulih dan tidak sedarkan diri pada ketika itu akan dibantu oleh pawang untuk memulihkannya. Sekiranya masih terdapat penari yang masih belum pulih atau kononnya Puteri Tujuh tidak mahu pulang lalu menyebabkan penari berterusan tidak sedarkan diri dan ia akan memerlukan khidmat daripada pawang untuk menangani masalah ini dengan menggunakan kaedahnya yang tertentu. Antara pengkaedahan yang digunakan juga adalah dengan membacakan kalimah *La ilaha illa Allah*, di sebelah telinga kanan, dan *Muhammad Rasulullah* di telinga kiri penari dan kemudian dititiupnya ubun-ubun penari tersebut. Namun begitu, bagi memulihkan penari yang masih tidak sedarkan diri ini, ia turut mempunyai kaedah yang lain yang mana pawang akan membacakan mantera jampi bagi mengahantar semula semangat puteri yang hadir (Amran Kasimin, 2006).

### Peralatan, Alat Muzik dan Kostum

Persembahan Ulik Mayang turut mempunyai kelengkapan dalam penyediaan kelengkapan terhadap peralatan dan pakaian yang digunakan khusus untuk tujuan pementasan yang dipersembahkan. Ia dapat dilihat iaitu seperti dalam Rajah 1 berikut:



RAJAH 1. Peralatan, Alat Muzik dan Kostum Persembahan Ulik Mayang

Rajah 1 di atas adalah antara kelengkapan yang digunakan dalam persembahan Ulik Mayang tradisional. Segala keperluan ini adalah menjadi elemen utama dalam struktur persembahan Ulik Mayang tradisional yang banyak berunsurkan ritual. Walau bagaimanapun, penggunaan semua kelengkapan dia atas telah banyak ditransformasikan penggunaannya dalam persembahan Ulik Mayang masa kini.

### **Persembahan Ulik Mayang Alaf 21**

Persembahan Ulik Mayang masa kini telah mempunyai banyak perubahan dari sudut struktur persembahan yang dipersembahkan dalam sesbuah acara pementasan. Bentuk persembahannya yang menjurus kepada hiburan dan ringkas telah menjadikan persembahan Ulik Mayang ini relevan dan bersesuaian untuk dipentaskan secara umum. Struktur persembahan yang dilakukan pada masa kini adalah dapat dilihat seperti berikut:

#### **Bentuk Upacara**

Transformasi dalam bentuk upacara bagi persembahan Ulik Mayang dapat dilihat dalam tiga aspek; pembuangan unsur pemujaan, pembuangan bacaan mantera dan pembentukan gimik.

#### **Pembuangan Unsur Pemujaan**

Masyarakat Melayu perlu menjaga elemen-elemen asli yang menjadi teras kepada pembentukan jati diri kemelayuan. Hal ini adalah kerana Islam yang menjadi teras utama kemelayuan telah lama berdifusi dalam segala adat resam dan tradisi mereka (Muammar Ghaddafi, 2019). Maka pembuangan unsur pemujaan dalam struktur persembahan Ulik Mayang pada abad ini telah dapat memperlihatkan antara usaha-usaha yang dibuat bagi menjaga warisan persembahan ini agar tidak melanggar syariah Islam dengan melakukan suatu perbuatan yang mensyirikkan Allah. Ia adalah bersesuaian dengan norma dan gaya hidup masyarakat Melayu yang sudah lama menjunjung Islam.

Aspek dalam unsur-unsur pemujaan begitu serius dan sangat perlu dititikberatkan oleh semua pihak termasuk kerajaan. Di samping untuk tidak terus menggabaikan persembahan ini daripada lenyap dan hilang dari khazanah warisan masyarakat tradisi, ia telah diubah iaitu dengan membuang segala perbuatan atau pun perlakuan yang membawakan kepada unsur-unsur mensyirikkan Allah sama ada melibatkan perbuatan fizikal maupun lisan. Walau bagaimanapun persembahan Ulik Mayang hanya menjadi salah satu daripada aktiviti seni persembahan kebudayaan sahaja yang tidak lagi bermaksud melakukan pemujaan bagi tujuan

pengubatan dan penyembuhan. Seni tarinya itu hanyalah sebagai pengkisahan sejarah asal persembahan itu sahaja.

### Pembuangan Bacaan Mantera

Sesuai dengan keadaan semasa yang amat berhubung dengan akidah dan kepercayaan masyarakat Islam pada hari ini, segala bentuk jenis mantera yang terdapat dalam persembahan telah pun dibuang dan diubah. Bagi bacaan mantera untuk membangkitkan semangat mayang, sememangnya telah dibuang secara langsung. Acara pembukaan panggung itu telah digantikan dengan bacaan doa dan al-Fatihah bagi membendung daripada berlakunya hal-hal yang tidak diingini sepanjang persembahan.

Bacaan mantera yang dibaca selepas persembahan di fasa bersurai juga turut dibuang dan tidak dilakukan pada masa kini. Segala bentuk dan jenis mantera yang dibawakan oleh Amran Kasimin adalah banyak dirujuk daripada bacaan jampi yang sering dibacakan oleh pawang dan bomoh ketika persembahan Ulik Mayang tradisi. Peranan bomoh ini telah merujuk kepada pembawaan peranannya dalam perkaitan hubungan dengan bentuk pemujaan seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini. Walau bagaimanapun, pada masa kini, penggunaan mantera dalam lagu Ulik Mayang yang dipersembahkan pada masa kini masih lagi dapat diperlihatkan dalam lirik lagu Ulik Mayang yang dinyanyikan semasa persembahan. Namun begitu, ia telah diubah dan diolah liriknya oleh golongan tertentu bagi menjadikannya sebagai sebuah lirik lagu yang tidak merujuk kepada bentuk pemujaan secara langsung.

### Pembentukan Gimik

Pembentukan gimik dalam suatu gambaran suasana sebenar yang berbentuk pemujaan, mempunyai latar belakang pentas yang menggambarkan suasana di pantai dan lain-lain adalah dapat menaikkan lagi aura dan nilai estetika dalam persembahan yang dipersembahkan. Anggota persembahan Ulik Mayang pada hari ini telah banyak menggunakan kreativiti dalam memastikan persembahan mereka menjadi suatu persembahan yang dapat memberikan impak dan kesan yang positif ke dalam hati para penonton.

Justeru itu, mereka telah menghasilkan pembentukan gimik di bahagian-bahagian persembahan yang tertentu iaitu sama ada pada peringkat awal, pertengahan maupun pengakhiran persembahan sebagai kemuncak persembahan. Pembentukan gimik yang berupa lakonan dalam watak dan insiden kerasukan ini secara tidak langsung telah dapat memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada masyarakat yang menonton mengenai bagaimana sejarah serta hubungkait persembahan itu dengan corak kehidupan masyarakat lalu. Gimik ini juga kebiasaannya banyak membawakan kepada penonton tentang aturan dan perjalanan yang dihadapi oleh seorang nelayan masa lalu yang telah mengalami suatu insiden dan kejadian yang akhirnya telah mencetuskan kepada kewujudan persembahan Ulik Mayang yang dipersembahkan.

### Probs

Penggunaan peralatan seperti mayang pinang adalah masih digunakan dalam persembahan Ulik Mayang kini. Namun, penggunaannya adalah hanya dijadikan sebagai bahan *probs* sahaja dan bukan tujuan untuk memenuhi syarat perubatan dalam persembahan tersebut. Penggunaan mayang pinang ini kebiasaannya ada di kalangan anggota penganjur yang hanya menggunakan mayang pinang yang telah diawetkan dan bukannya mayang pinang yang asli. Perbezaan penggunaan peralatan dengan barang *probs* ini adalah dapat dilihat pada 1 berikut:


JADUAL 1. Transformasi Alat Ritual kepada Probs	
Peralatan ritual	Probs
Mayang pinang	Mayang pinang awet
Kemenyan	Colok
Bertih	Bubu

Tujuan penggunaan *probs* ini hanyalah dijadikan sebagai simbolik persembahan. Ia amat penting dalam pembentukan visual dari sudut mata penonton kerana dapat memberikan pendedahan ilmu serta pengetahuan kepada mereka bahawa persembahan ini sememangnya melibatkan penggunaan mayang pinang dalam persembahan perubatan asal dalam upacara Ulik Mayang peradaban lalu. Penggunaan mayang pinang yang bukan asli adalah sebagai salah satu kaedah atau cara bagi menjimatkan kos serta peruntukan dalam koleksi peralatan persembahan kerana dapat digunakan dalam tempoh yang lebih lama.

Penggunaan kemenyan juga sudah tidak dapat dilihat lagi dalam kebanyakan persembahan Ulik Mayang kini. Penggunaan bahan yang boleh mengeluarkan asap persis seperti kemenyan adalah digantikan dengan penggunaan colok sahaja bagi menghasilkan asap sebagai mendatangkan kesan pada gimik lakonan bomoh dalam persembahan. Tujuan penggunaannya adalah bagi menggantikan penggunaan kemenyan yang asalnya digunakan dalam persembahan Ulik Mayang yang melibatkan upacara ritual (Zamzuriah Zahari, 2020).

### Alat Muzik

Penggunaan alat muzik dalam menghasilkan audio bunyi dalam persembahan Ulik Mayang masa kini juga telah mengalami reformasi daripada persembahan Ulik Mayang tradisional. Bentuk perubahan dan transformasinya adalah dapat dilihat seperti berikut:



RAJAH 2. Transformasi Alat Muzik

Rajah 2 di atas dapat menjelaskan bahawa terdapat perubahan dari sudut penggunaan peralatan dalam persembahan Ulik Mayang tradisional dan moden. Ada dalam kalangan penganjur hanya menggunakan suara bunyi dan nyanyian penyanyi menggunakan *minus one* sahaja. Ia dilihat telah mengurangkan penggunaan banyak peralatan alat-alat muzik yang lain semasa persembahan. Namun begitu, penggunaan gendang, gong juga masih turut digunakan namun ia telah ditambahbaik dengan penggunaan alat muzik moden yang lain iaitu seperti seruling dan akordian bagi menghasilkan bunyi audio yang lebih baik untuk dipentaskan.

### Kostum

Aspek transformasi dalam kostum pakaian persembahan Ulik Mayang adalah bergerak seiring dengan arus perkembangan pembuatan tekstil dan keadaan fesyen semasa. Perubahan yang dapat dilihat dalam aspek busana para penari serta anggota yang terlibat dalam persembahan ini adalah melibatkan kepada peruntukan kos dan koleksi busana mengikut perkembangan semasa. Penampilan estetika para penari dalam setiap rekaan busana dan tatarias yang dipakai di badan para penari dapat mempamerkan ideologi kreatif kostum dan perhiasan diri yang bertujuan sebagai penghubung maklumat dan pengantar jalan cerita kepada penonton.

Dari sudut penggunaan baju dan kain para penari dalam persembahan Ulik Mayang, ia adalah tidak bersifat tetap. Pemilihan dan penggunaan dari sudut warnanya adalah bergantung pada koleksi sedia ada penganjur itu sendiri sama ada menggunakan baju dan kain yang bewarna kuning, merah, hijau atau lain-lain. Walau bagaimanapun, penggunaan selendang, teratai, serta barang perhiasan lain semestinya turut digunakan bagi memperlihatkan visual seorang puteri dalam diri setiap para penari yang terlibat. Kelengkapan aksesori yang digunakan juga adalah tidak begitu spesifik namun hanya dijadikan sebagai perhiasan sahaja di bahagian-bahagian tubuh yang penting bagi menunjukkan persamaannya dengan gambaran visual seorang puteri yang rupawan dan berhias. Lihat Rajah 3.



RAJAH 3. Kostum Pakaian Penari Ulik Mayang

Aspek ini merupakan antara aspek terpenting yang amat dititikberatkan oleh kebanyakan penganjur kerana persiapan para penari serta anggota yang terlibat dalam persembahan adalah elemen utama yang perlu diberikan perhatian bagi memperlihatkan sebuah persembahan yang baik dalam sesebuah pertunjukan umum. Persiapan pakaian para nelayan lelaki juga turut menjadi aspek terpenting. Namun, pemilihan pakaiannya juga adalah tidak bersifat spesifik dan hanya perlu memperlihatkan visual bagi watak nelayan itu sahaja dengan mempamerkan ciri kemelayuan dalam corak kehidupan masyarakat tradisi.

### TRANSFORMASI DALAM PERSEMBAHAN ULIK MAYANG

Transformasi atau perubahan merupakan satu aturan dalam hidup dan merupakan komponen paling penting apabila ingin mencapai sesuatu kemajuan. Maksud dan signifikan bagi perkataan transformasi, penghijrahan, peralihan atau seumpama dengannya adalah tetap sama iaitu dengan melakukan perubahan daripada satu keadaan kepada suatu keadaan yang lebih baik. Perubahan ini juga merupakan suatu proses yang menyebabkan berlakunya perubahan pada pola individu, masyarakat atau sesebuah institusi. Tanpa disedari, transformasi atau perubahan itu sendiri sebenarnya terjadi adalah berfaktorkan pada usia, keadaan sekeliling dan kondisi sesuatu perkara. Oleh itu, aspek transformasi yang berlaku dalam persembahan Ulik Mayang.

JADUAL 2. Analisis Aspek Transformasi Persembahan Ulik Mayang

Aspek	Ulik Mayang Tradisional	Ulik Mayang Masa Kini	Bentuk Transformasi	Faktor Transformasi
<b>Bentuk Upacara</b>	-Berbentuk pemujaan -Mempunyai upacara ritual -Mempunyai bacaan mantera	-Persembahan tarian -Dipersembahkan untuk hiburan -Tiada unsur pemujaan dan ritual	-Pembuangan unsur pemujaan -Pembuangan bacaan mantera -Pembentukan gimik	Berfaktorkan pada perkembangan Islam
<b>Peralatan</b>	-Mayang pinang -Kemenyan -Bubu -Bertih -Dupa	-Mayang pinang awet -colok -bekas biasa -Bubu	Menggunakan peralatan yang bukan sebenar untuk tujuan sebagai proses sahaja	Berfaktorkan pada perkembangan Islam di samping menjaga seni warisan persembahan tradisi
<b>Alat Muzik</b>	-Gendang -Rebana -Gong	-Gendang -Rebana -Gong -Akordian -Seruling -Minus one	Mempunyai penambahan pada penggunaan alat muzik atau hanya menggunakan rakaman dari <i>minus one</i>	Berfaktorkan pada perkembangan kreativiti dan daya cipta masyarakat dalam seni muzik
<b>Kostum</b>	-Selendang -Teratai -Perhiasan tatarias -Baju dan kain -Banyak menggunakan warna kuning	-Selendang -Teratai -Perhiasan tatarias -Warna selendang, baju dan kain yang berbeza-beza	Menggunakan perhiasan dan fabrik kain yang ke arah modernisasi	Berfaktorkan pada perkembangan tekstil dan fesyen

Berdasarkan daripada hasil analisis Jadual 2 di atas, dapat menjelaskan bahawa terdapat empat aspek perubahan dalam hasil transformasi persembahan Ulik Mayang tradisional dengan masa kini. Dari sudut bentuk upacara, persembahan Ulik Mayang tradisional yang menerapkan unsur-unsur pemujaan dan penyeron terhadap makhluk ghaib menerusi perantaraan bacaan mantera dan ritual adalah antara elemen yang telah dibuang dalam bahagian persembahan Ulik Mayang yang dipentaskan di pementasan umum pada hari ini.

Berfaktorkan daripada perkembangan Islam serta selari dengan komuniti masyarakat Malaysia yang majoritinya mengamalkan Islam, telah menyebabkan berlakunya pembentukan transformasi ini ke dalam persembahan warisan tradisi masyarakat lampau ini. Kerajaan amat menitikberatkan akan perihal bentuk acara-acara kebudayaan yang tidak menepati etika pementasan khususnya yang mempunyai unsur-unsur mensyirikkan Allah serta berisiko untuk mendatangkan mudarat kepada masyarakat dan anggota persembahan.

Justeru itu, pembuangan segala aspek dan bentuk pemujaan seperti bacaan mantera, penyeron jin, mempersiapkan kemenyan dan lain-lain adalah antara elemen yang sememangnya bertentangan dengan Islam dan seharusnya ditinggalkan meskipun dalam usaha

untuk menjaga kesenian warisan tarian tradisional Melayu. Dari sudut aspek penggunaan perkakasan dan peralatan dalam persembahan pula, anggota persembahan dalam persembahan Ulik Mayang Tradisional adalah menggunakan peralatan yang mampu memberikan impak pada upacara ritual yang dilakukan semasa persembahan. Antara peralatan yang menjadi asas kepada upacara ritual itu adalah seperti mayang pinang, kemenyan, bekas dupa, bubu, kukur, bertih dan sebagainya. Ia adalah sebagai suatu elemen asas bagi memastikan upacara ritual yang dilakukan adalah mencapai kemuncaknya.

Namun begitu, berikutan dengan perkembangan Islam dan perkembangan kreativiti daya cipta masyarakat moden pada hari ini, penggunaan peralatan sebegini sudah tidak digunakan lagi bagi tujuan pemujaan dalam persembahan. Sebaliknya, ia hanya dijadikan sebagai barang probs persembahan sahaja iaitu untuk mempamerkan visual sebenar kepada para penonton. Pemilihan probs ini pula adalah hanya menyamakan visualnya sahaja, dan tidaklah menggunakan peralatan ritualnya yang sebenar, iaitu seperti dengan menggunakan colok sebagai menggantikan kemenyan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kepulan asap yang divisualkan di atas pentas semasa persembahan Ulik Mayang masa kini adalah kepulan asap yang dihasilkan daripada colok sahaj dan bukannya kemenyan yang pada asalnya dijadikan sebagai keperluan asas dalam berhubungan dengan alam ghaib.

Bagi penggunaan alat muzik pula, antara faktor berlakunya bentuk hasil transformasi dalam persembahan Ulik Mayang masa kini adalah disebabkan oleh perkembangan kreativiti serta daya cipta masyarakat modenisasi dalam industri muzik. Masyarakat tradisi hanya menggunakan alat muzik sedia ada yang mana pada ketika itu hanya terdapat alat muzik asas seperti gendang, rebana, gong dan lain-lain iaitu berasaskan pada kepingan daripada kulit binatang dan pokok sahaja. Namun, rentetan daripada perkembangan teknologi pada hari ini, industri kebudayaan juga turut mengadaptasikan keadaan ini iaitu dengan mentransformasikannya sehingga dapat menghasilkan audio bunyi yang standing dengan perkembangan industri moden di samping mengekalkan estetika dan identiti klasiknya dalam bentuk melodi yang dihasilkan dalam persembahan.

Aspek pemilihan kostum yang digunakan dalam persembahan Ulik Mayang pada hari ini dapat dilihat dari sudut perbezaannya dengan kostum pakaian yang dipakai oleh para penari dalam persembahan Ulik Mayang tradisional. Ia adalah berfaktorkan pada perkembangan kreativiti serta hasil perkembangan tekstil dalam kelangsungan era perkembangannya teknologi yang telah dapat menghasilkan pelbagai jenis tekstil dan perhiasan bagi tujuan kostum peragaan dan kebudayaan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa penggunaan kostum dalam persembahan Ulik Mayang ini adalah tidak bersifat tetap akan bentuknya kerana bergantung pada pengatur sama ada ingin menggunakan pemilihan warna-warna dan kain-kain yang tertentu bagi tujuan pementasan. Masyarakat tradisi lazimnya mengenakan warna-warna kebesaran iaitu seperti warna kuning, namun pada hari ini, turut ada kostum yang dilihat pada hari ini tidak menggunakan warna kuning secara keseluruhannya, sebaliknya mungkin hanya pada selendang dan kain bawah sahaja. Hal ini secara tidak langsung dapat menunjukkan bahawa aspek kostum juga adalah antara aspek fizikal yang turut dilihat dalam hasil transformasi persembahan Ulik Mayang tradisional kepada persembahan pementasan pada hari ini.

### Faktor-Faktor Berlaku Transformasi

Hasil transformasi yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor-faktornya yang tertentu. Antara faktor transformasi persembahan Ulik Mayang masa kini adalah faktor perkembangan Islam, faktor perubahan corak kehidupan, faktor penjagaan seni warisan budaya tradisi dan faktor perkembangan daya kreativiti dan daya cipta.

### Faktor Perkembangan Islam

Selepas kedatangan Islam, masyarakat Melayu telah berpegang pada ajaran agama Islam iaitu untuk tidak melibatkan diri dalam setiap perkara syirik dan bertuhankan perkara lain selain Allah s.w.t. Justeru itu, perubahan dari sudut kepercayaan ini telah menyebabkan persembahan Ulik Mayang tradisional telah banyak diubah dan ditransformasikan kepada sebuah persembahan yang hanya dipentaskan untuk tujuan hiburan semata-mata. Ia tidak lagi mengikut kebudayaan masyarakat Melayu tradisi yang banyak menfokuskan pada penyeruan makhluk halus dan jin bagi memohon sesuatu perkara termasuk kesembuhan penyakit, keselamatan serta rezeki.

Hasilnya, begitu banyak perkara dan elemen-elemen yang membawakan kepada unsur pemujaan telah dibuang dan diubah bagi kepentingan masyarakat Melayu dalam menjaga agama. Ia secara tidak langsung telah menyebabkan banyak bacaan mantera turut dibuang bagi menjaga keselamatan masyarakat umum serta mengelakkan daripada berlakunya pemesongan akidah dalam kalangan anggota kumpulan dan penonton yang menyaksikan persembahan Ulik Mayang ini.

### Faktor Perubahan Corak Kehidupan

Corak kehidupan masyarakat Melayu yang turut berubah berdasarkan perkembangan ekonomi semasa turut menjadi antara elemen penting dalam hasil trasformasi ini. Masyarakat Melayu kini telah menjalankan banyak pekerjaan atau pun kegiatan-kegiatan ekonomi yang bukan berdasarkan pada kehidupan di pesisir pantai. Pembentukan corak kehidupan masyarakat Melayu yang ramai tinggal di kawasan perbandaran dan jauh dari laut telah menyebabkan ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak pernah mengetahui akan corak kehidupan para nelayan yang berkait rapat dengan kejadian asal-usul persembahan Ulik Mayang.

Namun, selari dengan perkembangan agama, masyarakat Melayu moden pada hari ini telah mengalami banyak revolusi dalam arus kemodenan. Pembentukan struktur persembahan yang banyak diubah dalam aspek-aspek tertentu adalah amat bersesuaian bagi menjadikannya relevan dengan perkembangan semasa. Kemajuan adalah suatu aspek yang perlu dititikberatkan dalam perkembangan corak kehidupan sesebuah masyarakat bagi mengelakkan ia tidak lagi berpanjangan di takuk yang lama.

### Faktor Penjagaan Seni Warisan Budaya Tradisi

Selari dengan kewujudan asal persembahan Ulik Mayang di Terengganu, kerajaan negeri Terengganu telah menjadikan persembahan Ulik Mayang ini sebagai sebuah persembahan kebudayaan yang dipersembahkan untuk tujuan penganjuran karnival dan pesta-pesta kebudayaan. Penganjuran tahun Melawat Malaysia juga turut memaparkan seni persembahan Ulik Mayang sebagai acara pentas yang dipersembahkan bagi tujuan untuk mempromosikan budaya dan warisan masyarakat di Malaysia.

Perkara ini secara tidak langsung telah memperlihatkan kepada masyarakat bahawa persembahan Ulik Mayang adalah sebuah persembahan warisan yang perlu dikenali dan dipersembahkan pada khalayak umum sebagai pendedahan dan pengetahuan dalam dunia seni klasik yang mempunyai nilai estetika yang tinggi dari sudut lagu, melodi, gerak tari dan sebagainya. Faktor transformasi yang bersifat umum ini telah menjadikan persembahan ini dapat dipersembahkan pada semua peringkat umur dan tidak mengganggu gugat kedudukan agama dan akidah masyarakat Melayu kini.

### Faktor Perkembangan Kreativiti dan Daya Cipta

Selari dengan perkembangan modenisasi, masyarakat Melayu juga telah mempunyai perkembangan dari sudut kreativiti dan daya cipta terhadap penciptaan dan membuat pembaharuan terhadap sesuatu perkara. Justeru itu, dalam pembentukan koreo gerak tari, pemilihan kostum, penggunaan peralatan *probs*, dan sebagainya adalah dapat dijadikam sebagai bukti bahawa masyarakat pada hari ini amat kreatif dalam mentransformasikan sesuatu perkara mengikut kesesuaian dan perkembangan semasa.

Walau bagaimanapun, dapat dilihat bahawa faktor daya kreativiti masyarakat moden pada hari ini telah menjadikan persembahan ini masih kelihatan klasik dan segar dengan penambahan elemen tertentu dalam persembahan. Penambahan idea-idea baru tersebut juga adalah meliputi kepada adanya kewujudan gimik, lakonan dan sebagainya yang dapat meningkatkan lagi nilai estetika dan gambaran sebenar dalam persembahan tradisi masyarakat lampau.

Secara keseluruhannya, dengan pelbagai transformasi yang dilakukan, dapatlah difahami betapa masyarakat Melayu moden masih menyayangi warisan bangsanya dan berusaha menjaga dan melindunginya dari hilang di telan zaman. Sikap keterbukaan masyarakat Melayu khasnya para penggiat budaya dan seni Melayu yang membuat dan menerima perubahan dalam konteks seperti ini amat penting di samping usaha besar yang dibuat seperti membuat akta perundangan dan penguatkuasaan bagi memelihara warisan bangsa. Hal ini kerana semua warisan bangsa amat memerlukan perlindungan (Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddafi, 2015).

### KESIMPULAN

Persembahan Ulik Mayang dalam seni kebudayaan masyarakat tradisi merupakan sebuah persembahan yang menjadi penghubung dalam upacara keramaian bagi masyarakat tradisi untuk mengubati penyakit serta mendapatkan perlindungan. Kegiatan sosial dari upacara persembahan Ulik Mayang telah menjadi sebagai sebuah peristiwa yang mencetuskan kepada kewujudan serta asal-sul persembahan ini diwujudkan pada ketika itu. Masyarakat tradisi di peradaban lalu, adalah masyarakat yang mengamalkan kehidupan dalam kepercayaan animisme. Konsep kepercayaan mereka pada ketika itu adalah berunsurkan pada kepercayaan terhadap segala kekuasaan dan kuasa ghaib yang terdapat di sekeliling mereka.

Hasilnya, dalam fasa peralihan zaman ini, ia telah dapat memperlihatkan bahawa terdapat begitu banyak bentuk perubahan yang telah ditransformasikan bagi memastikan persembahan Ulik Mayang edisi hiburan yang dipentaskan pada hari ini adalah mengikuti dasar keagamaan di samping mengekalkan nilai estetika dalam kesenian kebudayaan masyarakat tradisi. Aspek transformasi yang dapat dilihat menerusi beberapa aspek iaitu seperti bentuk upacara yang telah membuang unsur pemujaan, bacaan mantera, mengadakan gimik, *probs*, muzik, dan kostum yang berbentuk modenisasi adalah sebahagian daripada hasil transformasi yang telah dilakukan oleh kebanyakan penganjur dalam persembahan Ulik Mayang masa kini. Segala bentuk transformasi yang dilakukan adalah mengikuti ciri serta amat berkait rapat dengan faktor perubahannya iaitu dari sudut perkembangan agama, corak kehidupan, penjagaan seni warisan budaya tradisi serta perkembangan kreativiti dan daya cipta masyarakat moden.

## PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada informan kajian ini YBhg. Puan Zamzuriah Zahari dari ASWARA kerana sudi meluangkan masa, berkongsi ilmu, serta banyak berkongsi maklumat mengenai topik yang dibincangkan dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Amran Kasimin. 2006. *Unsur-Unsur Menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said, 1984. Ulit Mayang. *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghulam-Sarwar Yousof. 1992. *Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre*. Petaling Jaya: Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Ghulam-Sarwar, Y. 2004. Mak Yong as Ritual. Vol 8: Performing Arts. *The Encyclopedia of Malaysia*.
- Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkiflley Hamid. 2015. Akal Budi dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu*, 14(2), 260-273.
- Ismadi Malaya. 1958. Ulit Mayang. *Mastika*.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. 1983. *Tarian-tarian Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ghous Nasuruddin. 1994. *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005(Akta 645): Penilaian dari Aspek Perundangan dan Penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 202-223.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2019. Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 68-86.
- Mubin Sheppard. 1983. *Taman Saujana*. Petaling Jaya: Pustaka Pendidikan.
- Noraein Mansor. 2018. *Ulik Mayang Warisan Terengganu Heritage of Terengganu*. Cetakan Kedua. Terengganu: Penerbit UMT.
- Sabariah Bt. Arifin. 1989. *Peralatan Budaya dalam Persembahan Ulit Mayang*. Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. 1986. *Pakaian dan perhiasan Tradisional. Catatan berdasarkan Teks Melayu Lama*. (Bahagian 1). Kuala Lumpur: Dewan Budaya.
- Siti Zainon Ismail. 2008. Seni Gerak. Dlm. Anwar Din (Penyt.) *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, hlm. 159-179. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu*, 8, 173-188.

**Biodata Penulis:**

**Nurul Ain binti Hassan** adalah pelajar tahun akhir di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Muammar Ghaddafi Hanafiah (Ph.D)** adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Peradaban, Falsafah dan Tamadun Melayu/Budaya dan Pemikiran Melayu/Islam.